

MALAI YUNUS MALAI YUSOF

## Pengaruh Persepsi dalam Pencapaian Peniaga Cina di Negara Brunei Darussalam

**IKHTISAR:** Kejayaan peniaga Cina dalam bidang perniagaan bukanlah sesuatu perkara yang baru di merata negara. Kajian ini akan melihat mengenai persepsi orang Cina di Negara Brunei Darussalam terhadap perniagaan, serta sejauhmana persepsi akan mempengaruhi penglibatan serta pencapaian mereka dalam aktiviti niaga. Seramai sebelas orang peniaga Cina, dari pelbagai latar belakang dialek dan kepercayaan, telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Oleh kerana kajian mengenai persepsi itu bersifat abstrak, maka kaedah temubual mendalam telah digunakan sebagai kaedah utama dalam merungkai beberapa persoalan mengenai persepsi serta nilai budaya bersama para informan. Kajian ini telah berhasil membuktikan bahawa terdapatnya persepsi yang sangat positif di kalangan para informan terhadap wang dan perniagaan. Manakala persepsi positif ini juga turut dikongsi oleh keseluruhan orang Cina di Negara Brunei Darussalam. Persepsi ini telah dipengaruhi oleh nilai-nilai budaya, di samping faktor struktural, termasuk kedudukan sosio-politik serta sosio-ekonomi yang turut menjadi faktor tekanan (*push factor*) dalam melahirkan masyarakat peniaga, yang sejumlah besarnya telah berjaya dalam aktiviti perniagaan mereka, sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di seluruh dunia.

**KATA KUNCI:** Pengaruh persepsi, orang Cina di Brunei Darussalam, pencapaian niaga, nilai-nilai budaya, serta faktor sosial, politik, dan ekonomi.

**ABSTRACT:** "The Influence of Perceptions in the Achievement of Chinese Traders in Brunei Darussalam". The success of Chinese traders in business is not a new thing in many countries. This study will examine the perceptions of the Chinese in Brunei Darussalam to the business, as well as the perception would affect their participation and achievement in business activities. A total of eleven Chinese business people, from different backgrounds of dialect and beliefs, have been selected as informants in this study. Due to the study of perception is abstract, then, depth interview method was used as the main method of unlocking some questions about perceptions and cultural values with the informants. This study has proved that there is a very positive perception among the informants on the money and business. Meanwhile, positive perception is also shared by the whole Chinese people in Brunei Darussalam. This perception has been influenced by cultural values, in addition to structural factors, including the socio-political and socio-economic factors that have contributed to the pressure (*push factor*) in producing the business community, the number of which has been successful in their business activities, whether in Brunei Darussalam and around the globe.

**KEY WORD:** Perception influence, Chinese in Brunei Darussalam, business achievement, cultural values, and social, political, and economic factors.

### PENDAHULUAN

Kejayaan peniaga Cina, dalam bidang perniagaan, bukanlah sesuatu perkara yang baru. Di seluruh dunia, para peniaga Cina yang mendapat jolokan sebagai "Orang Cina Seberang

Laut" (*the Overseas Chinese*) terkenal dengan kehebatan mereka dalam bidang perniagaan, sehingga berjaya mewujudkan Bandar Cina (*China Town*) yang menjadi pusat aktiviti perniagaan mereka di merata negara. Kehebatan

**About the Author:** Dr. Malai Yunus Malai Yusof ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Brunei UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, alamat emel yang boleh dihubungi secara terus adalah di: [yunusigs@gmail.com](mailto:yunusigs@gmail.com)

**How to cite this article?** Malai Yusof, Malai Yunus. (2015). "Pengaruh Persepsi dalam Pencapaian Peniaga Cina di Negara Brunei Darussalam" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), Maret, pp. 113-128. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808. Available online also at: <http://susurgalur-jksps.com/pengaruh-persepsi-dalam-pencapaian-peniaga-cina/>

**Chronicle of the article:** Accepted (January 5, 2015); Revised (February 15, 2015); and Published (March 24, 2015).

orang Cina dalam bidang perniagaan juga boleh dilihat di Negara Brunei Darussalam. Sebagai sebuah negara Melayu dengan jumlah penduduknya pada tahun 2010 seramai 414,400 orang (JSB, 2010), negara ini juga memaparkan senario yang sama, iaitu penguasaan orang Cina dalam bidang perniagaan.

Walaupun jumlah orang Cina di negara ini hanya dianggarkan pada tahun 2009 sekitar 50,000 orang (JSB, 2009); namun penguasaan mereka dalam bidang perniagaan masih kekal sehingga ke hari ini. Penguasaan ini dapat dilihat melalui jumlah peniaga Cina yang semakin ramai, yang kebanyakannya merupakan generasi penerus perniagaan keluarga, di samping generasi muda bangsa Cina mula berjinak-jinak dengan perniagaan yang baru ditubuhkan.

Kecenderungan dalam pemilihan aktiviti perniagaan, sebagai aktiviti ekonomi ini, merangsang pengkaji untuk melihat persepsi orang Cina terhadap perniagaan. Hubungan ini akan dilihat melalui perspektif budaya, kerana terdapat teori yang mengatakan tentang hubungan budaya dengan pemilihan tingkah-laku. Menurut Jaafar Mohamad, persepsi atau bagaimana kita melihat dunia adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk motivasi dan perasaan yang berakar umbi dari budaya (Mohamad, 1988). Budaya pula menyediakan struktur, panduan, dan jangkaan yang membantu manusia untuk menginterpretasi kelakuan.

Kertas kerja ini akan cuba melihat hubungan di antara persepsi dengan pemilihan bidang perniagaan; dan apakah pula terdapat nilai-nilai budaya yang mempengaruhi persepsi ini. Kertas kerja ini juga akan dimuatkan dengan hasil temubual, yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama seramai sebelas orang peniaga berbangsa Cina. Pemilihan seramai sebelas peniaga adalah memadai untuk mewakili golongan peniaga Cina di Negara Brunei

Darussalam. Jumlah sampel (informan) untuk dikaji adalah memadai, menurut Sabitha Marican dan Mohd Izham Mohd Hamzah, kerana penekanan kajian kualitatif bukan kepada jumlah responden, tetapi aplikasi ciri amalan yang akan dilakukan oleh responden (Marican, 2005 dan 2006; dan Mohd Hamzah, 2006).

Para peniaga yang ditemubual keseluruhannya terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Seorang peniaga Cina yang berasal dari Malaysia, juga dimuatkan dalam temubual ini untuk melihat perspektif seorang peniaga asing yang menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam. Jenis perniagaan yang mereka ceburi pula adalah terdiri dari pelbagai bidang perniagaan, termasuk perniagaan restoran, perniagaan kereta, pembinaan (kontraktor), kedai komputer, reka bentuk dalaman, percetakan, kedai serbanika, syarikat pengiklanan, kedai basikal, dan lain-lain lagi. Persoalan utama yang telah dibincangkan didalam temubual itu adalah berkisar mengenai persepsi para informan terhadap wang serta perniagaan.

Peniaga Cina yang disenaraikan di dalam jadual 1 dinamakan mengikut singakatan abjad dan nombor bagi memudahkan penganalisaan. Setiap informan diberikan rujukan IC (Informan Cina) dan seterusnya nombor bilangan, seperti IC-1 yang merujuk kepada informan Cina pertama. Kesebelas peniaga Cina yang ditemubual dalam senarai jadual 1 adalah terdiri daripada orang Cina, yang mempunyai pelbagai latarbelakang agama dan dialek.

Dari segi kepercayaan beragama, para informan terdiri dari penganut Buddha, Kristian, tiada sebarang pegangan agama (*free thinker*), dan Islam. Mereka juga tergolong kepada beberapa dialek, termasuk Hokien, Hakka, Hailam, dan Fuchow. Penglibatan mereka di

**Jadual 1:**  
Senarai Informan Peniaga Cina

Informan	Umur	Bangsa	Agama	Nasionaliti	Jenis Perniagaan	Tahun Ditubuhkan	Sumber Modal	Milik
IC-1	82	Hailam	Buddha	Brunei	Restoran	1946	Simpanan sendiri dan bantuan kawan	Milik keluarga
IC-2	64	Hakka	Buddha	Brunei	Pengedar Proton	1978	Simpanan sendiri	Kongsi bersama abang
IC-3	66	Hokien	Buddha	Penduduk Tetap	Peralatan Jahitan	1997	Wang perkongsian adik-beradik dan kakak ipar	Kongsi bersama isteri dan kakak ipar
IC-4	52	Fuchow	Buddha	Penduduk Tetap	Binaan dan <i>Advertising</i>	1989	-	-
IC-5	48	Sino – Kadazan	Roman – Katholik	Brunei	Restoran Fast Food	2000	Wang sendiri, bantuan ayah, dan pinjaman bank	Suami-isteri
IC-6	50	Heng Hwa	Free Thinker	Penduduk Tetap	Kedai Serbanika	2002	Wang sendiri dan bantuan modal dari rakan kongsi	Milik sendiri
IC-7	37	Hokien	Islam	Brunei	Binaan Dalaman	1996	Wang abang ipar	Bersama abang ipar
IC-8	45	Hokien	Kristian	Brunei	Informasi Teknologi	1998	Wang dari bapak	Bersama abang
IC-9	42	Hokien	Buddha	Brunei	Kedai Basikal	1995	Duit simpanan sendiri	Keluarga
IC-10	47	Hokien	Buddha	Malaysia	Kontraktor	2003	Pinjaman dari bapa	Per-sendirian
IC-11	46	Hokien	Buddha	Brunei	Percetakan	1982	Wang perkongsian dengan abang ipar	Bersama abang ipar

dalam perniagaan juga mempunyai latarbelakang yang berbeza, dan pada umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori. Beberapa orang informan adalah terdiri dari peniaga yang berasal dari keluarga peniaga (orang tua mereka juga melibatkan diri dalam perniagaan); sementara itu sebahagian pula bukan dari keluarga peniaga. Kesebelas peniaga juga masing-masing menceburi bidang perniagaan yang berbeza, yang menjadikan kajian ini lebih menarik dari aspek kepelbagaian data.

### **PERSEPSI PENIAGA CINA TERHADAP WANG DAN PERNIAGAAN**

Tahap persepsi merupakan tahap yang penting di dalam menentukan pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara. Dalam kajian ini, informan telah diajukan dengan beberapa persoalan, yang mempunyai kaitan

dengan persepsi mereka terhadap wang dan perniagaan.

Secara keseluruhan, kesemua peniaga Cina, iaitu IC (Informan Cina) ke-1 hingga ke-11, mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap wang dan perniagaan. Wang dan perniagaan merupakan dua elemen yang sangat berkaitan di mata orang Cina, kerana pada umumnya setiap perniagaan memerlukan sejumlah kewangan yang mencukupi; manakala setiap perniagaan pula bertujuan untuk mendapat keuntungan dalam bentuk wang.

*Pertama, Pandangan terhadap Wang dan Kepentingannya.* IC (Informan Cina) ke-7, seorang berbangsa Cina dan beragama Islam, telah menjalankan perniagaan selama 3 tahun. Pengalaman beliau sebagai seorang pegawai sebuah bank swasta telah mempersiapkannya dalam perniagaan,

khususnya dalam mewujudkan rangkaian. Beliau menjalankan perniagaan reka deko dalaman (*interior design*). Penglibatan beliau di dalam bidang ini telah dipengaruhi dan didorong oleh abang ipar beliau, yang juga mempunyai syarikat binaan yang telah tertubuh selama 15 tahun. Menurut beliau:

Wang adalah sangat penting bagi masyarakat Cina ... [*dengan nada sedikit bergurau, tersenyum*]. Orang Cina sering dikaitkan dengan mata duitan, kerana sangat berkira dan sentiasa mahukan keuntungan dalam setiap perkara. Kepentingan kami kepada wang juga digambarkan melalui nilai-nilai yang terdapat dalam pantang-larang orang Cina.

Nilai-nilai seperti dalam pantang-larang orang Cina adalah tidak boleh menyapu keluar pada pagi hari, kerana dikhuatiri akan memberikan sial kepada kedudukan kewangan kita; pantang poket kosong ketika tahun baru Cina, kerana dikhuatiri akan menjadikan kita kesuntukan wang; sementara buah-buah limau oren yang disusun di meja ketika tahun baru Cina, kesemuanya mempunyai kaitan dengan kewangan.

Oleh itu, bagi masyarakat Cina, nilai wang adalah sangat penting dalam kehidupan, bukan sahaja dari aspek pengajaran agama dan budaya, tetapi juga dari aspek praktikalitinya dalam kehidupan kita (temubual dengan IC-7, 20/7/2014).

Sementara itu, bagi IC-6 (Informan Cina ke-6) pula, yang kini berusia 50 tahun, menganggap wang sangat penting dalam kehidupan. Menurutnyanya:

[...] wang bukanlah segala-galanya, namun tetap penting dalam kehidupan. Secara praktikalnya, ada wang maka hidup lebih senang; dan apatah lagi dalam menghadapi sebarang kemungkinan (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Bagi IC-8 (Informan Cina ke-8), yang menjalankan perniagaan peralatan komputer dan dibesarkan dalam keluarga peniaga, juga bersetuju tentang kepentingan wang dalam kehidupan. Menurut beliau, "*Sebahagian besar dari kehidupan*

*kita ditentukan oleh wang*" (temubual dengan IC-8, 20/7/2014).

Bagi IC-9, yang menjalankan perniagaan keluarga dalam bidang basikal serta peralatan dan permainan kanak-kanak, bersetuju dengan kepentingan wang, bahawa adalah lebih dari aspek praktikalitinya untuk kestabilan kehidupan. Namun bagi beliau, wang sangat penting untuk memastikan bahawa kehidupan kita terjamin, baik ketika senang apatah lagi ketika susah. Menurut beliau:

[...] sudah tentu duit adalah penting! Tetapi susah untuk dikatakan. Kalau terlampau banyak duit, ia sudah macam tiada nilai [*bergurau*]. Ya! Ia sangat penting untuk kegunaan masa depan, kerana kita ada masa baik dan kurang baik (temubual dengan IC-9, 25/7/2014).

**Kedua, Persepsi terhadap Perniagaan.** Kesemua IC (Informan Cina), iaitu IC-1 hingga IC-11, mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap perniagaan. Kesemua mereka menunjukkan minat yang mendalam terhadapnya dan mempersetujui tentang peluang yang besar dalam bidang ini. Kebanyakan informan juga mengaitkan bidang perniagaan sebagai penyelamat dalam memastikan kekukuhan tahap ekonomi mereka yang hidup di Negara Brunei Darussalam. Menurut IC-7 (Informan Cina ke-7) adalah sebagai berikut:

Saya pernah merasakan kesukaran kewangan, ketika saya belum mendapat status warganegara. Mungkin sahaja bagi orang Cina, bekerja tidak cukup untuk menyara hidup kami sepanjang hayat. Dengan berniaga, kami mempunyai peluang untuk mencapai kehidupan yang lebih stabil, terutamanya apabila kita berstatus bukan warganegara di sini (temubual dengan IC-7, 20/7/2014).

Perniagaan bagi mereka merupakan satu cara untuk mencapai kekayaan yang mempunyai kaitan dengan persepsi positif mereka terhadap wang tadi. Di Brunei, perniagaan telah diceburi oleh masyarakat Cina sejak

sebelum zaman Residen di Brunei, iaitu sebelum 1906. Orang Cina telah mula melibatkan diri dalam banyak aktiviti perniagaan, termasuk kedai runcit, berjaja, dan sebagainya. Menurut para informan, bagi Brunei Darussalam, kebanyakan perniagaan milik orang Cina kini adalah generasi penerus perniagaan ayah dan nenek mereka. Perniagaan adalah sebahagian dari kehidupan masyarakat Cina. Seperti menurut IC-11 (Informan Cina ke-11) berikut ini:

Ya perniagaan, saya mesti lakukan, atau saya akan mati kerana mendapat kesusahan dalam kehidupan. Perniagaan adalah kehidupan kami. Walaupun mereka, orang Cina, adalah berkerja dengan jabatan kerajaan, atau swasta, tetapi suatu hari apabila mereka melihat sesuatu peluang untuk mendapatkan wang, mereka akan melakukannya. Umpamanya, seorang Cina akan berkata, "Wah! *Cupcake* juga boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan lah! Wah, suatu hari, saya akan buka perniagaan *cupcake*".

Saya tidak pasti, sama ada orang Melayu juga begitu. Secara automatik terkeluar dari mulut kami. Sekiranya kami pergi ke Tien-Tien [*sebuah restoran nasi ayam yang popular di Brunei*], kami melihat setiap hari restoran itu penuh dengan pelanggan. Kami akan berkata di dalam hati kami, yang suatu hari nanti kami akan membuka sebuah restoran nasi ayam. Sering juga kami merasa hairan dan berkata dalam hati kami, "Kenapa saya tiba-tiba berfikir begitu?".

Malahan anak saya yang menyukai kad, iaitu kad karakter katun, saya katakan kepadanya, "Bagus awak jualan suatu hari nanti". Semasa saya di bangku sekolah di Chung Hwa, saya juga sering berjaja di sekolah. Mungkin kerana kami datang dari Cina dan hidup sengsara kebuluran, maka darah peniaga itu ada dalam *DNA* kami, darah peniaga ada dalam *gen* kami. Awak tahu tak? Melayu mana pernah merasa sengsara kemarau selama 4,000 tahun? (temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

Menurut IC-11 (Informan Cina ke-11), ayah beliau telah mula berniaga sejak tahun 1950-an. Beliau masih ingat, sekitar tahun 1960-an, ayah beliau dan ramai lagi orang Cina menjalankan perniagaan dengan

menggunakan sampan untuk menjual barangan keperluan dapur kepada penduduk di Kampong Ayer, Brunei Darussalam. Ketika itu juga masyarakat Melayu telah ramai yang terlibat dalam aktiviti padian dan pengalu. IC-11 selanjutnya mengatakan:

Saya masih ingat pada tahun 1960-an, bapa saya dan ramai lagi orang Cina sudah mula berniaga di Brunei, terutamanya di kawasan Bandar. Ayah saya menjual cendol buatan sendiri, dan kemudian dia melakukan kerja perkhidmatan akauntan bagi masyarakat peniaga Melayu (temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

Kenyataan beliau adalah merujuk kepada satu proses era pembangunan pesat, yang telah berlaku di Brunei dan sempat disaksikan oleh beliau sekitar tahun 1960-an. Menurut Leo Suryadinata (1995), menjelang tahun 1960-an, satu proses pembangunan yang begitu pesat telah berlaku di Brunei, terutamanya di Daerah Brunei Muara. Proses ini turut menarik ramai kedatangan kaum Cina dari daerah-daerah lain di Brunei untuk mengambil peluang aktiviti ekonomi. Tren ini telah meningkatkan jumlah penduduk di Daerah Brunei Muara, yang turut dilihat sebagai peningkatan dalam pasaran pengguna. Keadaan ini disambut baik oleh kaum peniaga (Suryadinata, 1995).

Menurut IC-6 (Informan Cina ke-6), kelahiran Kuching, Sarawak, Malaysia, yang telah mula menjalankan perniagaan sejak tahun 2002, beliau mempunyai persepsi yang sangat positif tentang perniagaan. Beliau telah datang ke Brunei pada tahun 1981, ketika berumur 17 tahun, dan mula berkerja sebagai pembantu mekanik di sebuah bengkel kereta di Seria. Beliau yang berasal dari keluarga yang miskin, hanya hidup dibesarkan oleh ibunya bersama tiga orang adek-beradek. Ibunya seorang pembantu rumah, yang telah menawarkan khidmat mengambil upah untuk menguruskan rumah jiran-

jiran mereka. Beliau sangat menyedari kesusahan yang ditanggung oleh ibunya, dan sejak kecil berusaha untuk mencari wang saku sendiri. Beliau juga terpaksa berhenti bersekolah sehingga darjah enam sahaja, kerana tidak mahu membebankan ibunya. Menurut beliau:

Saya memang bercita-cita untuk berniaga sejak kecil. Saya lahir dalam keluarga miskin, dan saya tidak pernah melihat ayah saya. Saya dan abang semua tidak sekolah. Saya bermula berkerja dengan menjual surat kabar dan buah-buahan. Oleh itu, saya selalu memberitahu kepada anak-anak saya, yang mana mereka sangat beruntung. Saya jual *paper* dengan keuntungan 3 cen. Membawanya di tangan saya, sambil dijual kepada orang yang sedang makan-makan di gerai. Kadang-kadang mereka menghalau saya dengan kasar, apabila tidak mahu membeli surat kabar yang saya jual. Buah durian yang dihumban dari lori, saya sambut dengan tangan. Sangat susah! [*beliau menunjukkan muka sedih, kerana mungkin teringat masa lalu zaman kanak-kanaknya*].

Dengan menggunakan basikal 3 roda, kadang-kadang pihak Jabatan Bandar Raya mengejar saya. Kawan saya juga tahu akan cerita saya dan sering menceritakan kepada anaknya untuk menyedarkan mereka, betapa beruntungnya mereka sekarang. Berkerja keras adalah rahsia kejayaan. Saya tiada pilihan, kerana ibu saya terpaksa menjaga 4 anak, hanya sebagai amah bergaji 80 Ringgit, dan saya tidak mahu menambah kesusahannya. Duit sekolah dan belanja tahun baru, saya cari sendiri tanpa meminta dari ibu saya. *Somebody say my father pass away* (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Dalam temubual ini, hampir kesemua orang Cina juga mempercayai bahawa hanya perniagaan boleh membawa kepada kekayaan, berbanding dengan berkerja. Perkara ini juga mempunyai kaitan budaya, kerana terdapat kepercayaan di kalangan masyarakat Cina tentang kedudukan perniagaan berbanding berkerja dengan seseorang. Umpamanya, menurut IC-6 (Informan Cina ke-6) lagi:

Ada perkataan dalam bahasa Mandarin, "*Kung Che*" (kerja tidak keluar), jika

berniaga barulah ada peluang untuk keluar dari garisan. Macam dahulu, saya tidak kisah saya menjual buah dan suratkhbar, kerana saya tahu yang penting saya ada peluang. Berniaga memang 50/50, tetapi peluang sudah ada. Kalau saya berkerja, saya akan menerima gaji tetap. Walaupun dengan berniaga saya cuma untung 500 Ringgit, berbanding kerja gaji dua ribu, tapi tidak mengapa. Peluang sudah ada, cuma tidak tahu bila. Siapa tahu suatu ketika ada seseorang (yang mempunyai wang), yang melihat kesungguhan kita dan menawarkan dirinya untuk membantu perniagaan kita. Atau kalau awak ada duit, simpanlah sedikit-sedikit. Kalau awak sudah tua, biasanya awak tidak akan minat untuk berniaga lagi.

Saya selalu menggalakkan orang lain untuk mencuba berniaga. Tentu sekali bukan semua perniagaan akan untung, tetapi bagi saya berniaga adalah lebih baik. Kalau awak seorang yang berkelulusan dan berkerja dengan gaji sehingga BND 8,000 [delapan ribu Dollar Negara Brunei], awak sudah fikir yang pendapatan awak cukup besar, sehingga awak rasa tidak perlu untuk berniaga. Tetapi suatu hari, apabila syarikat awak sudah tidak memerlukan awak lagi, awak akan susah. Jika awak ada simpanan, itu agak baik; tetapi bagaimana kalau awak tiada simpanan dan anak pula masih kecil? Oleh itu, saya rasa berniaga lebih baik. Jika awak tidak mencuba, peluang awak kekal kosong (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Kebiasaan penglibatan orang Cina dalam perniagaan juga merupakan seperti suatu nilai budaya bagi mereka. Perkara tentang nilai berniaga dalam budaya Cina, juga dipersetujui oleh IC-9 (Informan Cina ke-9), yang menurut beliau:

Susah juga mahu mengatakan bahawa semua orang Cina suka berniaga. Tetapi mungkin sahaja ia adalah budaya bagi orang Cina. Dalam perkataan Cina [*sambil menulis huruf Cina di atas kertas*], ini adalah kerja dan kepala tidak pernah akan keluar. Ini bermakna jika berkerja, kita tidak akan pernah mendapat lebih. Ini salah satu budaya Cina yang menyatakan tentang pekerjaan dan perniagaan. Dalam erti kata lain, pekerja tidak akan jadi kaya. Awak berniaga, kemungkinan mesti ada atau awak akan muflis! Tetapi peluang tetap ada (temubual dengan IC-9, 25/7/2014).

Beliau, IC-9 (Informan Cina ke-9), menambah: “*Actually, whether business atau bekerja, you have to work juga; so, you have to choose. But, tengok tulisan Cina ni*” (temubual dengan IC-9, 25/7/2014).

Namun jika dianalisis, penglibatan beliau, IC-9, dalam perniagaan adalah didorong oleh komitmennya terhadap keluarga, kerana perniagaan itu adalah perniagaan keluarga beliau. Bagi kebanyakan kedai atau perniagaan yang wujud sekarang di Brunei adalah kesinambungan dari perniagaan keluarga, iaitu perniagaan yang diwariskan kepada anak dan cucu peniaga Cina.

Menurut IC-9 pula, walaupun bukan kesemua orang Cina suka berniaga, tetapi jumlah mereka yang menyukainya adalah ramai. Sebagai seorang peniaga veteran yang berusia 65 tahun, beliau juga bersetuju bahawa kebanyakan peniaga Cina, yang ada pada masa ini, adalah pewaris perniagaan datuk-nenek mereka (temubual dengan IC-9, 25/7/2014).

Sementara itu, menurut IC-3, apabila ditanya mengenai budaya Cina yang menyangkut perniagaan, beliau menerangkan sebagai berikut:

Ya itu memang betul, berkerja memang *ngam-ngam* (tidak lebih tidak kurang). Berniaga mesti akan dapat lebih; oleh itu, mereka (orang Cina) suka berniaga (temubual dengan IC-3, 15/7/2014).

Menurut IC-10 (Informan Cina ke-10) pula, memang terdapat kecenderongan bagi orang Cina untuk berniaga berbanding berkerja, kerana dalam satu aspek sebagai peniaga, seseorang boleh menentukan nasibnya dan tidak pula terlalu berharap kepada majikan. Beliau juga bersetuju tentang kewujudan satu galakan budaya dalam masyarakat Cina untuk berniaga. Kata beliau lagi:

*Kung Chin Muo Chu Tau*, bermakna pekerja sendiri mesti berusaha. Dalam dunia ini, usia kita semakin tua dan enjin (tenaga) pun makin lemah, lebih baik

awak berniaga sendiri. Sebagai contoh, jika anda seorang *tokeh* (majikan), jika pekerja berusia 20 tahun, memang *you* suka; tetapi apabila pekerja itu sudah tua, bagaimana? (temubual dengan IC-10, 25/7/2014).

Sementara itu, bagi IC-11 (Informan Cina ke-11), pekerjaan atau jawatan dalam pekerjaan pula baginya hanya bersifat sementara, berbanding dengan perniagaan. Menurutnya lagi:

Bagi kami (orang Cina), jika awak bekerja, walau bagaimana keras sekalipun, suatu hari nanti anda terpaksa meninggalkan jawatan anda. Anak dan keluarga awak tidak akan mendapat sebarang hasil dari kerja awak. Tetapi dalam perniagaan, saya fikir pada masa hadapan mereka akan dapat hasil kerja keras mereka. Saya kerja keras, kerana saya tahu suatu hari nanti keluarga saya akan senang, sama ada mereka teruskan perniagaan saya atau mereka akan dapat hidup dengan selesa, dari aspek kemantapan kewangan (temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

Selain itu, bagi informan yang mempunyai latarbelakang keluarga peniaga, pendedahan awal dalam dunia perniagaan, baik secara langsung mahupun tidak, telah sedikit-sebanyak memberikan kesan positif terhadap persepsi mereka dalam perniagaan. Kebanyakan informan telah terbiasa dengan kehidupan kedai, sejak mereka kecil lagi; dan terbiasa didedahkan dengan kehidupan kedai oleh orang tua mereka. Kebanyakan mereka pula telah diarah untuk membantu dalam transaksi perniagaan orang tua mereka.

Umpamanya, bagi IC-8 (Informan Cina ke-8), beliau dibesarkan dari keluarga peniaga. Ayah beliau menjalankan perniagaan kedai runcit di Seria, di mana beliau dan adik-beradiknya telah terbiasa membantu ayah mereka di kedai. Menurut beliau lagi:

Saya sering terlibat dalam transaksi perniagaan kedai ayah saya di Seria. Kami dilatih untuk menerima wang bayaran dan mengembalikan baki yang betul. Kami mempunyai keluarga yang besar, iaitu seramai 9 orang dan saya anak kedua bungsu. Begitu lah caranya saya terdedah

dengan perniagaan. Setelah tamat tingkatan 5, saya meneruskan pelajaran ke Canada dalam jurusan *Bachelors of Science in Computer Science*. Setelah kembali dari Canada, saya berkerja dengan sebuah firma, tetapi dalam masa setahun firma audit itu terpaksa ditutup.

Bekas majikan saya memberikan galakan kepada saya untuk mengendalikan pelanggan yang masih kekal di firma itu. Keadaan itu membuka lembaran saya dalam perniagaan. Bos saya pulang ke negerinya dan firmanya ditutup. Tetapi saya masih melakukan secara sambilan. Abang saya nampak peluang dalam perniagaan PC, kerana ketika itu PC baru saja bermula di Brunei, dan menurutnya mengapa tidak membuka perniagaan dalam PC. Akhirnya syarikat x (syarikat milik informan) ditubuhkan pada tahun 1989. Ketika itu hanya sedikit sahaja syarikat seperti kami. Kami beruntung mempunyai beberapa pelanggan yang besar (temubual dengan IC-8, 20/7/2014).

Sementara itu, persepsi positif beliau, IC-8 (Informan Cina ke-8), terhadap perniagaan juga dipengaruhi oleh ayahnya, yang dianggap sebagai idola mereka sekeluarga. Kemampuan ayahnya untuk membesarkan kesembilan mereka adik-beradik, dan mampu pula menyekolahkan mereka sehingga ke luar negara dalam peringkat universiti, telah memberikan kesan positif terhadap pemikiran mereka dalam bidang perniagaan yang mempunyai potensi yang besar (temubual dengan IC-8, 20/7/2014).

IC-3 juga mempunyai kedudukan yang sama, iaitu dibesarkan dalam suasana perniagaan di Kampong Ayer, Brunei Darussalam. Menurut beliau lagi:

Memang, keluarga saya keluarga peniaga, ayah saya seorang penjaja di Kampong Sultan Lama. Seterusnya, dia membuatkan kiraan akaun (*accounting*) untuk para pekedai. Dari sana kami belajar untuk berniaga. Sejak dahulu kami telah terdedah dengan perniagaan dan sedikit-sebanyak kami belajar dan tahu tentang perniagaan. Seperti juga abang ipar saya, dia juga pernah ikut bapanya untuk berniaga. Tetapi, tentunya perniagaan ini memerlukan minat (temubual dengan IC-3, 15/7/2014).

### **Ketiga, Fokus terhadap Kehidupan Dunia dan Pandangan terhadap Kehidupan Selepas Mati (Akhirat).**

Menurut Tony Fang (1999), kebudayaan Cina telah dibentuk oleh tiga tradisi kepercayaan, ataupun falsafah, iaitu: Taosime, Buddhisme, dan Konfusianisme. Walaupun ketiga-tiga unsur ini berbentuk lebih kepada ajaran agama, namun bagi orang Cina ia sering disifatkan sebagai falsafah. Menurut Tony Fang pula, orang Cina tidak begitu mengambil berat tentang agama berbanding bangsa yang lain (Fang, 1999).

Lee Siow Mong (1995), juga mensifatkan pandangan orang Cina terhadap kepercayaan sebagai “*a wonderful way of life*”, yang menyebabkan orang Cina bersikap lebih praktikal. Oleh kerana ketiga ajaran ini bukan bersifat agama, maka mudahlah bagi mereka untuk menerima mana-mana ajaran yang difikirkan baik dan sesuai (Mong, 1995).

Menurut Ustaz Hj Abd Kadir Leong (2005), dalam konteks agama dan kepercayaan, orang Cina mempunyai sejarah budaya yang sangat luas dan mendalam. Oleh kerana pengaruh sejarah dan kebudayaan yang begitu panjang, maka agak sukar bagi orang Cina untuk memastikan agama mana yang mereka benar-benar anuti (Kadir Leong, 2005).

Dalam masa yang sama, juga terdapat di kalangan orang Cina yang tidak beragama, ataupun *free thinker*.<sup>1</sup> Namun begitu, mereka tidak begitu percaya tentang adanya Hari Kiamat dan pembalasan akhirat. Keyakinan ini mendorong orang Cina untuk lebih menumpukan hidup mereka kepada pencapaian duniawi. Dalam konteks ini mereka akan bekerja lebih keras di dunia untuk mengumpul harta dan memperbaiki kehidupan.

Kepentingan terhadap wang menunjukkan pemikiran orang Cina

<sup>1</sup>*Free thinker* ialah merujuk kepada individu yang tidak mempunyai sebarang kepercayaan agama.



yang fokus kepada pencapaian dunia. Keseluruhan informan, yang terdiri daripada latar belakang kepercayaan yang berbeza, menunjukkan sifat yang tidak begitu mengambil berat terhadap kehidupan selepas mati (akhirat). Apabila ditanya pendapat mereka terhadap kehidupan selepas mati (akhirat), masing-masing informan mempunyai pandangan, sama ada percaya namun tidak begitu memikirkannya atau juga tidak percaya langsung terhadap kehidupan selepas mati. Menurut IC-11 (Informan Cina ke-11) adalah sebagai berikut:

Bagi saya, hidup sesudah mati mungkin ada, tetapi saya tidak fokus ke arah itu. Tetapi, saya lakukan apa yang saya fikir betul, kerana tanggungjawab saya adalah sekarang untuk menyara keluarga saya. Kami adalah praktikal (bangsa Cina). Mungkin apabila sudah memiliki segalanya, mungkin pada ketika itu saya akan memikirkan tentang kehidupan selepas mati. Fokus saya sekarang adalah waktu ini (temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

Manakala bagi IC-7 (Informan Cina ke-7), seorang *free thinker* yang telah memeluk agama Islam selama 9 tahun, turut mengakui tentang kelonggaran persepsi orang Cina terhadap kehidupan selepas mati. Menurut beliau lagi:

Dulu saya seorang *free thinker*, namun saya banyak bergaul dengan kawan-kawan Melayu yang beragama Islam; dan hubungan ini membuat saya tertarik terhadap Islam. Bapa saya seorang Kristian dan nenek saya seorang Buddha. Mereka tidak begitu memikirkan tentang kehidupan selepas mati, berbanding dengan orang Melayu. Masyarakat Cina yang lain juga mempunyai pandangan yang sama. Mungkin saja terdapat di kalangan orang Cina yang memikirkan tentang kehidupan selepas mati, namun pandangan mereka terhadapnya adalah agak samar dan tidak pasti (temubual dengan IC-7, 20/7/2014).

Manakala bagi IC-6 (Informan Cina ke-6), seorang *free thinker* pula, mengakui bahawa perniagaan akan

lebih mudah ditumpukan apabila tidak memikirkan kehidupan lain (selepas mati). Menurut beliau lagi:

Saya seorang *free thinker*, akan tetapi kami tetap akan merayakan *Gong Xi Fa Chai* serta melakukan upacara sembahyang untuk nenek moyang kami. Saya tidak memikirkan tentang perkara balasan selepas mati; jika saya fikir begitu, bagaimana saya mahu berniaga! (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Sementara menurut IC-1 (Informan Cina ke-1), yang kini berusia 82 tahun, pula menunjukkan sikap longgarnya terhadap pegangan agama. Beliau sendiri mengatakan sebagai berikut:

Saya beragama Buddha, tetapi tidak kuat, tidak banyak upacara agama dilakukan. Tidak sembahyang, tetapi pergi *topikong* saja. Saya tidak begitu percaya tentang doa, tetapi yakin kepada semua usaha kita. Mesti kerja kuat. Sendiri mau kuat! Mesti rajin! Ada 10 Ringgit mesti simpan, jangan membazir, jangan main judi. Untuk keluarga. Dulu kalau balik Cina, bikin rumah. Dulu punya, orang susah balik (temubual dengan IC-1, 15/7/2014).

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang makmur, yang menikmati kestabilan politik serta keamanan yang menjamin keharmonian kehidupan rakyat dan penduduknya. Dalam aspek pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik merupakan suatu syarat penting bagi mewujudkan suasana ekonomi yang sihat dan berkembang. Di samping pendapatan per kapita sebanyak BND (Dollar Negara Brunei) 68,200, mengikut laporan akhbar *The Brunei Times*, 25 September 2010, maka ianya menjamin kemampuan atau *buying power* yang tinggi di kalangan rakyat dan penduduknya.

Kebanyakan peniaga Cina yang ditemubual bersetuju tentang potensi dan peluang ekonomi yang besar di negara ini. Bagi kebanyakan informan, suasana politik yang stabil serta negara yang makmur – berserta pendapatan per kapita yang tinggi –

menyediakan pasaran yang cukup memberangsangkan. Peluang ini dapat diraih dengan semaksimum mungkin, walaupun negara ini mempunyai pasaran yang agak terhad, iaitu dari aspek populasinya yang hanya seramai 414,400 pada tahun 2010 (JSB, 2010).

Latarbelakang ini menyediakan suasana ekonomi yang kondusif bagi negara Brunei Darussalam, sehingga kebanyakan informan merasa yakin dan mempunyai persepsi yang positif dalam menjalankan kegiatan ekonomi (perniagaan) di negara ini. Menurut IC-11 (Informan Cina ke-11) lagi:

Di Brunei, jika anda berkerja keras tentu awak akan berjaya. Jika ada orang yang mengatakan sebaliknya, itu bagi saya cuma alasan sahaja. Lagi pun tiada cukai di Brunei; apa pun anda dapat adalah milik anda semuanya. Persaingan pula tidak begitu berat. Berbanding dengan negara lain, pasaran memang besar, namun *policy* (dasar) di sini sangat bagus dan tidak menyusahkan. Mereka tidak banyak menyekat para peniaga. Jika di Malaysia, anda mahu membuka perniagaan percetakan, anda terpaksa mendapatkan banyak lesen dan pergi banyak jabatan. Oleh itu, bagi saya, pihak kerajaan di Brunei ok dan tiada bermasalah (temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

Perkara ini juga turut dipersetujui oleh IC-10 (Informan Cina ke-10), seorang Cina yang berasal dari Ipoh, Negeri Perak, Malaysia. Sebagai seorang yang terlibat dalam bidang pembinaan, beliau sangat menghargai akan peluang yang diberikan kepadanya di Negara Brunei Darussalam ini. Menurut beliau:

Saya sering mengatakan bahawa Brunei adalah sebuah negara yang paling baik untuk menjalankan perniagaan, berbanding tempat lain. Sebagai contoh, bagi saya, yang tidak berpendidikan tinggi dan tidak pula mempunyai banyak pengalaman, tetap berpeluang untuk berjaya dalam perniagaan. Yang penting awak punya kesungguhan dan perniagaan akan semakin baik. Kalau di Malaysia, keadaan agak berbeza. Malaysia mengutamakan Bumiputera, sehingga sukar bagi kami untuk mendapat projek kerajaan. Lagi pula, awak pun maklum,

orang Bumiputera sikapnya tidak pernah cukup (apabila memakai nama mereka untuk lesen perniagaan). Oleh itu, lebih baik tidak berkongsi dengan mereka.

Di Brunei, bagi saya, asal sahaja kita bersikap *gentleman*, maka yakinlah kita akan ada peluang. Jika dibandingkan, di sini kita tidak perlu ada modal yang besar, seperti di Malaysia untuk berjaya. Tetapi, kita mesti ingat dan sedar, pokok yang tinggi dan besar pun bermula dari benih yang kecil. Oleh itu, jika ada yang bertanya kenapa saya belum untung besar? Jawapannya kerana modal saya kecil! Tetapi, bagi saya, yang penting peluang (temubual dengan IC-10, 25/7/2014).

Manakala menurut IC-6 (Informan Cina ke-6) pula, Brunei menyediakan arena perniagaan yang sangat membantu perniagaannya. Menurut beliau:

Sangat bagus! Barang boleh saya jual dengan harga yang murah, kerana tiada cukai. Perniagaan saya di Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur (Malaysia) agak sukar sedikit, kerana cukai yang tinggi. Brunei bebas cukai dan bebas dari politik; dan jika anda berkerja keras, pasti awak akan berjaya (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Bagi IC-2 (Informan Cina ke-2), yang terlibat dalam perniagaan kereta, mengakui bahawa perniagaan ini adalah sebuah perniagaan yang memerlukan modal yang besar; dan oleh kerana itu, bidang ini jarang diceburi oleh orang Melayu. Potensi perniagaan kereta sangat besar di Brunei. Ini diakui sendiri oleh IC-2, sebagai berikut:

Perniagaan kereta di Negara Brunei Darussalam adalah secara majoritinya dikuasai oleh orang Cina. Perniagaan kereta, atau kenderaan bermotor, merupakan sebuah perniagaan yang penting dan berkembang pesat, kerana memandangkan permintaan yang terus meningkat setiap tahun di negara ini. Permintaan kereta yang begitu menggalakkan adalah kerana kurangnya sistem pengangkutan awam di negara ini (temubual dengan IC-2, 15/7/2014).

Kebanyakan informan Cina juga mempunyai pandangan yang positif

mengenai bidang perniagaan. Mereka menyedari tentang risiko perniagaan, namun tetap mempunyai keberanian untuk menceburi bidang ini, kerana beberapa perkara. Perkara pertama ialah disebabkan oleh kestabilan politik di Brunei, yang bagi mereka membolehkan mereka menjalankan urusan perniagaan dengan aman. Selain itu, mereka amat menyedari bahawa setiap perniagaan tidak menjanjikan keuntungan seratus peratus. Mereka tahu tentang risikonya, namun menganggap perkara ini adalah sebagai cabaran biasa. Perkara ini merupakan satu mentaliti yang amat sihat dan produktif.

Menurut penerangan IC-3 (Informan Cina ke-3), seorang peniaga harus bersedia untuk menghadapi cabaran perniagaan, kerana cabaran berniaga sangat besar. Namun, bagi beliau, kebanyakan orang Cina menyedari perkara ini. Menurut beliau lagi:

Orang Cina tidak mudah berputus asa! Kita akan sentiasa cuba untuk mencari lobang (peluang perniagaan) lain. Kalau tidak maju, kita harus berfikir dan berikhtiar. Sebagai contoh, bapa mertua saya, yang menjalankan perniagaan jurugambar, menyedari persaingan ketika ini adalah sangat tinggi dalam bidang ini. Oleh itu, beliau mencuba mempelbagaikan produk, seperti menjual manik dan alat jahitan. Kalau tidak begitu, maka kita akan mendapat kesukaran, terutamanya jika kita hanya menunggu dan berharap. Oleh itu, mesti ada minat yang mendalam (temubual dengan IC-3, 15/7/2014).

Sementara itu, bagi IC-6 (Informan Cina ke-6) pula, dari masa kemasa, beliau telah mencuba untuk memperbesarkan dan mempelbagaikan perniagaannya sehingga keluar negara. Pada tahun 2002, beliau pernah membuka sebuah kedai elektrik jenama AKIRA di Muara (daerah Muara), yang diurus oleh seorang rakannya. Namun, akibat pengurusan yang kurang berkesan, beliau terpaksa menutupnya kerana menanggung kerugian. Bagi perniagaannya sekarang, beliau pernah memiliki enam buah cawangan di

Brunei, tiga cawangan di Kota Kinabalu, Malaysia, dan tujuh cawangan di Cina. Namun, perniagaan di sana tidak begitu menampakkan hasil yang memuaskan, akibat pengurusan yang kurang berkesan. Akhirnya, beliau memutuskan untuk menutup perniagaannya di Kota Kinabalu dan Cina, dan membuka pula sebuah kedai di Kuching, Sarawak, Malaysia, sehingga sekarang (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Beberapa kegagalan yang pernah dilaluinya tidak pernah membuat IC-6 serik untuk mencuba dan mencari peluang baru. Umpamanya, pada tahun 2012, beliau telah membuka sebuah hotel di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, bersama dengan beberapa orang rakan kongsi. Beliau juga telah membeli beberapa buah syarikat yang bersaiz kecil dan sederhana. Menurut beliau, terdapat di kalangan peniaga yang menjual perniagaan mereka secara pakej, iaitu termasuk kedai, lesen perniagaan, kuota, pekerja, dan barangan jualan. Mereka menjualnya dengan alasan masing-masing, seperti tidak minat untuk meneruskan ataupun mahu berpindah ke bidang yang lain. Menurutnyanya, "Kalau kita tidak mencuba, *can* (peluang) kita akan tetap *zero!*" (temubual dengan IC-6, 20/7/2014).

Bagi IC-8 pula, beliau juga pernah gagal dalam perniagaannya, namun tidak berputus asa. Beliau pernah membuka sebuah kedai barangan mainan di sebuah gedung eksklusif di kawasan Gadong, sekitar tahun 1990-an dan dapat bertahan selama 5 tahun. Namun, menurutnyanya, apabila kos lebih tinggi daripada keuntungan, beliau terpaksa menutup perniagaan mainannya. Walaupun begitu, beliau meneruskan perniagaan peralatan komputernya sehingga sekarang. Bagi beliau, perniagaan mempunyai risiko yang tinggi, namun kita harus sentiasa berani mengambil dan menghadapi risiko itu. Menurutnyanya lagi:

Saya rasa, saya memang begitu (berani mengambil risiko). Kebanyakan orang Cina berani mengambil risiko, dan lahir sebagai *gamblers*. Berniaga adalah satu perjudian, dan tidak bermakna perjudian hanya bermain dengan kad. Awak taroh duit awak dan berharap ia akan mendatangkan untung atau pulangan. Perjudian bagi saya lebih kepada suatu aktiviti yang mempunyai risiko, dan berniaga adalah ibarat suatu perjudian (temubual dengan IC-8, 20/7/2014).

Perniagaan yang sudah sebatu dengan masyarakat Cina merupakan suatu bidang perkerjaan yang sangat diambil serius. Persepsi mereka terhadap perniagaan adalah sebagai tempat mereka bergantung hidup dan bukannya sebagai pekerjaan sambilan sahaja. Kesemua informan Cina bersetuju tentang pentingnya perniagaan dalam kehidupan mereka. Kesemua mereka juga menganggap perniagaan adalah sebatu dengan orang Cina. Umpamanya, menurut IC-7 (Informan Cina ke-7), "*Bagi saya, dan mungkin saja bagi semua peniaga Cina, perniagaan adalah kehidupan kami. Oleh itu, kami tidak boleh gagal*" (temubual dengan IC-7, 20/7/2014).

Kajian ini telah berjaya membuat penemuan yang menarik dalam menganalisis peranan budaya, sama ada dalam perjalanan mahupun pencapaian perniagaan bagi orang Cina di Negara Brunei Darussalam. Temubual yang sengaja diolah, sama ada dari aspek format mahupun struktur, telah dapat menyungkil dan merungkai beberapa persoalan utama dalam kajian ini. Penemuan-penemuan data empirik dari temubual dan pemerhatian telah menguatkan beberapa hujah dan teori-teori sarjana lepas, yang cuba mengaitkan nilai sosio-budaya dengan pencapaian orang Cina dalam perniagaan (*cf* Mong, 1995; Suryadinata, 1995; dan Fang, 1999).

Kajian ini juga menemukan elemen-elemen lain, yang bukan bersifat budaya, yang telah turut mempengaruhi, sama ada pemikiran

serta kelakuan mahupun tindak-tanduk aktor (peniaga Cina), yang akhirnya membentuk suatu nilai bagi masyarakat yang dikaji. Elemen-elemen seperti perjalanan sejarah, struktur politik, dan struktur masyarakat telah menjadi ejen perubahan dan pembentukan kepada nilai-nilai yang dimiliki. Elemen-elemen non-budaya yang penting ini berpengaruh, baik secara langsung mahupun tidak, dalam membentuk nilai yang diguna-pakai oleh aktor, yang juga akhirnya mewujudkan nilai-nilai dalam diri mereka (Mohamad, 1988; dan Mohd Hamzah, 2006).

**Keempat, Persepsi yang Betul terhadap Perniagaan.** Melalui temubual, bersama informan Cina, telah menunjukkan bahawa persepsi adalah sangat penting dalam menentukan penglibatan dan pencapaian seseorang peniaga. Persepsi informan Cina terhadap wang dan perniagaan adalah sangat positif. Umpamanya, bagi budaya orang Cina, wang adalah satu elemen yang penting; dan cara yang paling baik untuk mendapatkan wang yang banyak adalah dengan berniaga.

Banyak kepercayaan dalam kehidupan harian orang Cina yang menekankan tentang kepentingan wang dan harta. Umpamanya, menurut IC-7 (Informan Cina ke-7), pada hari pertama Tahun Baru Cina, mereka dilarang menyapu rumah, kerana dipercayai perbuatan ini akan menyapu keluar rezeki tuan rumah dan keluarganya. Pada tahun baru, orang Cina dilarang untuk mengatakan perkara negatif, seperti "tiada duit", "poket kosong", "mufli", dan sebagainya, kerana ia dianggap akan membawa sial kepada mereka. Dalam tempoh perayaan ini, para ibu bapa akan memastikan poket pakaian baru yang dipakai oleh anak-anak mereka sentiasa diisi dengan duit, atau *ang pow*, yang melambangkan kekayaan sentiasa hadir, dan kerananya poket mereka tak pernah kosong (temubual dengan IC-7, 20/7/2014).

Orang Cina juga digalakkan untuk

memakan makanan yang mempunyai kaitan dengan kekayaan, keuntungan, dan status. Umpamanya, perkataan “buah limau oren” mempunyai kaitan dengan perkataan emas, iaitu lambang kepada kekayaan. Jika dianalisis, unsur-unsur budaya orang Cina yang begitu menekankan kepentingan wang dan material ini telah membentuk pemikiran orang Cina agar meletakkan nilai wang atau keuntungan sebagai nilai teratas.

Menurut keseluruhan informan Cina, persepsi mereka terhadap perniagaan adalah sangat positif sedari awal lagi. Budaya Cina menekankan tentang kepentingan dan kelebihan bidang perniagaan yang diinterpretasikan melalui konsep “pekerja dan berniaga”. Pepatah Cina ini menjelaskan bahawa selagi seseorang itu menjadi pekerja, maka pendapatannya adalah terhad untuk selamanya. Menurut Ong Hean-Tatt (1994), *Zuo gong bu chu tou* merupakan rangkai kata yang diertikan sebagai “pekerja tidak boleh menjadi kepala”. Bagi pekerja, atau *gong*, satu garis menegak dan dua garis mendatar akan memerangkapnya untuk tidak mampu naik ke atas. Dan hanya perniagaan sahajalah yang dapat membuka peluang bagi seseorang itu menjadi kaya raya (Hean-Tatt, 1994).

Persepsi ini juga dibentuk oleh pengalaman masa lalu, sama ada secara langsung mahupun tidak. Penglibatan orang Cina dalam bidang perniagaan di Negara Brunei Darussalam ini sememangnya telah bermula sejak awal lagi. Berdasarkan perangkaan pada tahun 1960, dianggarkan 58.3% orang Cina di Brunei aktif dalam kegiatan ekonomi (Shong-Tung, 1969:478).

Manakala menurut Tan Peck Ling (1992), terdapat dua puak Cina terbesar di Brunei yang menguasai bidang perdagangan dan kewangan, iaitu Kantonis dan Hokkien. Perkara ini menunjukkan bahawa orang Cina mempunyai pengalaman yang panjang di dalam bidang perniagaan; dan melalui pengalaman ini mereka telah

membentuk satu minset yang positif terhadap perniagaan. Pengalaman ini juga dikongsikan oleh ramai orang Cina di Brunei, malah sehingga kini perniagaan adalah sesuatu bidang ekonomi yang diwarisi secara bergenerasi.

Informan yang berasal dari keluarga peniaga, seperti IC-3, IC-7, IC-8, IC-9, dan IC-10 mengakui bahawa pendedahan awal terhadap dunia perniagaan telah mempengaruhi minat mereka untuk menceburi bidang ini. Kebanyakan mereka juga mempunyai persepsi bahawa perniagaan telah memberikan keluarga mereka kehidupan yang mewah (walaupun kebanyakan mereka kekal dengan konsep hidup sederhana), dan mereka telah berjaya dibesarkan dengan baik melalui hasil perniagaan orang tua mereka. Perkara ini menyebabkan mudah bagi generasi seterusnya untuk menerima kehidupan sebagai seorang peniaga.

Pendedahan terhadap dunia perniagaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina telah membudayakan perniagaan. Proses ini telah berjaya melalui beberapa cara, termasuk langsung mahupun tidak langsung. Proses langsung ialah pendedahan yang disenghajakan, iaitu seperti membawa anak-anak ke premis perniagaan dan mengarahkan anak-anak untuk membantu beberapa transaksi perniagaan. Sementara pendedahan tidak secara langsung pula ialah suasana perbualan topik perniagaan yang sering didengar oleh anak-anak mereka, walau di mana mereka berada.

Melalui temubual bersama para informan, kebanyakan mereka bersetuju bahawa topik perniagaan sering diperbincangkan pada setiap waktu di rumah mereka. Baik secara disenghaja mahupun tidak, perbualan dalam bentuk spontan ini mampu untuk mempengaruhi minat anak-anak dalam jangka masa panjang.

Kejayaan orang tua dalam perniagaan juga membentuk nilai yang positif

dalam diri setiap orang Cina. Malahan, bidang ini adalah diletakkan di atas berbanding dengan dunia pekerjaan yang lain. Bagi kebanyakan informan, perniagaan dianggap sebagai bidang yang paling menguntungkan, disamping mempunyai beberapa kelebihan sampingan, di antaranya ialah:

*Pertama*, perniagaan adalah pekerjaan yang mudah diwariskan kepada anak-anak. Berbanding dengan bidang perkerjaan yang lain, seperti peguam, doktor, jurutera, dan sebagainya, hanya perniagaan yang boleh diwariskan tanpa memerlukan sebarang kelulusan khusus. Dalam masa yang sama, usaha gigih seorang peniaga akan boleh dinikmati oleh isteri serta anak-anak, serta boleh pula disambung usahanya sehingga bergenerasi.

Oleh itu, perniagaan dianggap sebagai sesuatu yang istimewa dan sangat menjamin masa depan keluarga, dan generasi seterusnya juga bakal menikmati hasilnya jika pandai menguruskannya. Menurut IC-7 dan IC-11, perkara ini dapat dibuktikan melalui beberapa syarikat besar yang wujud, sehingga kini adalah ditubuhkan oleh generasi pertama dan kelangsungannya diteruskan oleh generasi kedua, malah sehingga ketiga (temubual dengan IC-7, 20/7/2014; dan temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

*Kedua*, perniagaan dianggap sangat berbeza dengan pekerjaan dari aspek stabilitinya. Informan Cina menganggap bahawa seorang pekerja yang bekerja kepada seorang majikan terlalu bergantung nasib kepada majikannya. Pekerja akan bernasib baik, sekiranya khidmatnya masih diperlukan, tetapi apabila majikan tidak memerlukannya lagi, maka dia akan diberhentikan dari pekerjaannya dan pekerja akan kehilangan sumber kehidupannya. Perkara ini akan lebih teruk lagi apabila pekerja itu sudah tua dan mempunyai anak-anak yang masih kecil.

Sebaliknya, apabila seseorang berniaga, dia akan menjadi majikannya

sendiri dan dia lah orang yang menentukan nasibnya melalui usaha gigihnya. Dalam masa yang sama, setiap jawatan dalam pekerjaan, walaupun kita berpeluang memegang suatu jawatan yang tinggi, akan terpaksa dilepaskan juga apabila kita telah bersara (temubual dengan IC-7, 20/7/2014; dan temubual dengan IC-11, 25/7/2014).

## KESIMPULAN

Kajin ini mendapati akan terdapatnya perkongsian persepsi positif, sama ada di kalangan peniaga Cina mahupun orang Cina, terhadap wang dan perniagaan. Persepsi ini bukan hanya dipengaruhi oleh elemen budaya yang sedia ada, bahkan juga dibentuk oleh perjalanan sejarah, kedudukan sosio-ekonomi, serta sosio-politik mereka di Negara Brunei Darussalam. Banyak nilai budaya dalam kepercayaan orang-orang Cina yang meletakkan kepentingan harta sebagai nilai utama dalam hidup.

Di samping itu pula, penglibatan mereka dalam bidang perniagaan sejak sekian lama memberikan mereka kelebihan dari aspek pendedahan serta pengalaman dalam dunia perniagaan. Kedudukan sosio-politik mereka, sama ada sebagai bukan warga negara mahupun penduduk tetap, menjadi faktor tekanan yang praktikal agar membudayakan nilai-nilai positif, seperti menyimpan (menabung), berhemat, bersederhana, serta berani mengambil risiko, yang akhirnya turut menyumbang secara positif dalam perjalanan perniagaan mereka.<sup>2</sup>

## Bibliografi

Fang, Tony. (1999). *Chinese Business: Negotiation Style*. London: IBS International Business Series.

<sup>2</sup>**Kenyataan:** Dengan ini saya membuat kenyataan bahawa kertas kerja ini bukanlah dapatan daripada amalan plagiarism. Saya menyatakan pula bahawa kertas kerja ini belum dihantar dan belum dinilai untuk diterbitkan oleh mana-mana jurnal, sama ada di Negera Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

- Hean-Tatt, Ong. (1994). *Secrets of Ancient Chinese: Art of Motivation*. Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publication.
- JSB [Jabatan Statistik Brunei]. (2009). *Brunei Statistical Year Book 2009*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Statistik Brunei Darussalam.
- JSB [Jabatan Statistik Brunei]. (2010). *Brunei Statistical Year Book 2010*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Statistik Brunei Darussalam.
- Kadir Leong, Ustaz Hj Abd. (2005). "Kehidupan Agama Orang Cina" dalam *Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban, dan Dusun di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Terbitan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Marican, Sabitha. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor, Malaysia: Pearsons Prentice Hall.
- Marican, Sabitha. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor, Malaysia: Edusystem Sdn Bhd.
- Mohamad, Jaafar. (1988). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohd Hamzah, Mohd Izham. (2006). "Pengurusan Proses Terancang" dalam *Pembastarian Sekolah: Proses Perlaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Mong, Lee Siow. (1995). *Spectrum of Chinese Culture: All about Chinese Heritage, Marriage, Parentage, and Other Fascinating Knowledge*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pelanduk Publication Sdn Bhd.
- Peck Ling, Tan. (1992). "A History of Chinese Settlement in Brunei" dalam *Essays on Modern Brunei History*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Shong-Tung, Niew. (1969). "The Population Geography of the Chinese Communities in Malaysia, Singapore, and Brunei". *Unpublished Ph.D. Thesis*. London, UK [United Kingdom]: University of London.
- Suryadinata, Leo. (1995). *Ethnic Chinese in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies].
- Temubual dengan IC-1 (Informan Cina ke-1), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 15hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-2 (Informan Cina ke-2), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 15hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-3 (Informan Cina ke-3), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 15hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-4 (Informan Cina ke-4), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 15hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-5 (Informan Cina ke-5), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 20hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-6 (Informan Cina ke-6), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 20hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-7 (Informan Cina ke-7), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 20hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-8 (Informan Cina ke-8), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 20hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-9 (Informan Cina ke-9), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 25hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-10 (Informan Cina ke-10), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 25hb Julai 2014.
- Temubual dengan IC-11 (Informan Cina ke-11), di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada tarikh 25hb Julai 2014.
- The Brunei Times* [akhbar]. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25 September 2010.



**Masyarakat Melayu Kurang Minat Menceburi Dunia Perniagaan  
Berbanding dengan Orang Cina di Brunei Darussalam**

(Sumber: [www.google.com](http://www.google.com), 10/10/2014)

Informan Cina menanggapi bahawa seorang pekerja yang bekerja kepada seorang majikan terlalu bergantung nasib kepada majikannya. Pekerja akan bernasib baik, sekiranya khidmatnya masih diperlukan, tetapi apabila majikan tidak memerlukannya lagi, maka dia akan diberhentikan dari pekerjaannya dan pekerja akan kehilangan sumber kehidupannya. Perkara ini akan lebih teruk lagi apabila pekerja itu sudah tua dan mempunyai anak-anak yang masih kecil.